

## Bisnes

Sokong perniagaan di Afrika, Amerika Selatan dan Asia Barat

# Weststar beli 8 AgustaWestland

**KUALA LUMPUR** 26 Mac - Weststar Aviation Services Sdn. Bhd. telah menandatangani satu kontrak dengan AgustaWestland untuk pemerolehan lapan helikopter baharu bernilai RM550 juta.

Dalam satu kenyataan, Weststar berkata, pembelian itu adalah untuk enam unit helikopter AgustaWestland AW139 dan dua unit AW189.

Pengarah Urusan Weststar Group, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim berkata, syarikat itu bangga untuk berkembang ke luar negara dan menetapkan penanda aras baharu dalam kualiti bagi penerbangan luar pantai global.

"Pembelian helikopter tambahan AgustaWestland adalah untuk menyokong pengembangan syari-

**S**yarikat itu bangga untuk berkembang ke luar negara dan menetapkan penanda aras baharu dalam kualiti bagi penerbangan luar pantai global

**SYED AZMAN SYED IBRAHIM**  
Pengarah Urusan Weststar Group

kat di Afrika, Amerika Selatan dan Asia Barat," katanya.

Syarikat itu memenangi kontrak besar antarabangsa pertamanya pada 2013 dengan Tullow Oil di Mauritania, Afrika.

Sementara itu, Pengarah Urusan Perniagaan antarabangsa AgustaWestland, Geoff Hoon berkata: "Kami berbesar hati mendapatkan Weststar sebagai

salah satu daripada pelanggan utama kami untuk helikopter jarak jauh AW189 dan yakin ia akan memberikan tahap keselamatan, prestasi dan keberkesanan kos yang membanggakan seperti AW139."

Weststar kini pengendali perkhidmatan penerbangan terbesar di Asia Tenggara dengan kontrak bernilai RM6 bilion. -BERNAMA

